

FAQ(Saluran Kedua)

1. **S:** Sekiranya saya telah menghantar permohonan secara atas talian (online) tetapi saya terlupa untuk mencetaknya, bagaimana saya hendak mendapatkan maklumat permohonan saya semula?

J: **Anda boleh mencetaknya dengan memasuki semula laman web berkenaan dan mencapai menu Cetak Permohonan.**

2. **S:** Saya adalah pelajar Lulusan Diploma yang baru sahaja tamat pengajian. Adakah saya layak memohon saluran ini kerana saya belum mempunyai pengalaman kerja? Jika tidak, bagaimana saya boleh memohon ke UKM?

J: **Tidak Layak. Calon yang memohon saluran ini perlu mempunyai kelulusan SPM serta pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang dipohon/berkaitan. Permohonan bagi Lulusan Diploma adalah diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Kategori Lulusan Diploma / Setaraf dan iklan kemasukan disiarkan pada bulan Januari setiap tahun.**

3. **S:** Adakah program ini diadakan secara separuh masa atau sepenuh masa? Bilakah tarikh pendaftarannya?

J: **Program ini diadakan secara sepenuh masa dan tarikh pendaftaran adalah pada 1 September 2014. Program separuh masa, UKM dikendalikan oleh Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM. Sila rujuk laman web Pusat berkenaan daripada laman utama ukm <http://www.ukm.my/kembangan>**

4. **S:** Sekiranya saya belum mendaftar atau menduduki MUET adakah saya layak memohon?

J: **Saudara/i boleh mengemukakan permohonan terlebih dahulu dan mendaftar ujian berkenaan di Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing pada awal Januari 2014 apabila pendaftaran ujian dibuka. Saudara/i dikehendaki mengemukakan salinan slip pendaftaran MUET ke UKM untuk tujuan rekod kami.**

Saudara/i juga dikehendaki menduduki ujian tersebut sebelum bermulanya sesi pengajian pada September 2014. Sila rujuk laman web Majlis Peperiksaan Malaysia iaitu www.mpm.edu.my dari semasa ke semasa untuk mengetahui jadual pendaftaran ujian berkenaan.

5. **S:** Bilakah temu duga akan dijalankan?

J: **Tertakluk kepada Fakulti yang menawarkan program dan dijangka pada bulan Mac/April 2014.**

6. **S:** Sekiranya saya tersalah mengisi borang selepas menghantar permohonan secara atas talian (online), bagaimana pembedaan tersebut dapat saya buat sedangkan permohonan hanya sekali sahaja?
- J:** **Peringatan awal telah diberikan kepada calon di dalam Panduan Mengisi Borang Permohonan Atas Talian (Online) supaya berhati-hati semasa mengisi borang dan menyemak semula maklumat permohonan sebelum menekan butang “Hantar”.**
Walau bagaimanapun, saudara/i boleh menghantar maklumat pembedaan menerusi faks atau mel-e untuk tindakan UKM.
7. **S:** Adakah saluran ini dibuka kepada calon Pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah sahaja?
- J:** **Tidak, ia terbuka kepada mana-mana calon yang memenuhi syarat kemasukan seperti yang ditetapkan oleh Universiti.**
8. **S:** Bagaimana saya dapat mengetahui status permohonan saya?
- J:** **Anda boleh mengetahui status permohonan samada melalui lamanweb UKM <http://www.ukm.my/kemasukan/tawaran> di menu Semakan Status Permohonan atau telefon ke Bahagian Pengurusan Akademik dengan menyatakan No. Siri / Rujukan yang terdapat pada borang permohonan anda.**